

## BAHAGIAN II

### LANDASAN TEKSIKU

Perbincangan dalam bab ini telah tentang apa yang dijadikan landasan dalam penulisan ini. Perkara-perkara yang akan diuraikan ialah mengenai pengertian masjid, sejarah awal pembinaan masjid, tentang masjid taqwa dan masjid dhirar, juga tentang kegiatan-kegiatan masjid di zaman Rasulullah.

#### A. Pengertian Masjid.

Masjid berasal daripada perkataan Arab yang diambil daripada (مساجد), sajada (سجدة) yang bermaksud ialah sujud. Kemudian dimasukkan awalan 'م', mengadikannya makam (مقام) dengan maksud tempat sujud. Jadi dari segi bahasanya masjid membawa erti 'tempat sujud menyembah Allah'.<sup>1</sup>

Menurut kamus Al-Munjid, sekiranya kita membaca (مسجد) ia bermaksud 'seorang yang memundukkan badannya sehingga bersentuh dengan tanah ketika sujud'. Perlakuan ini menunjukkan sifat merendah diri

<sup>1</sup> Muhammad Abdullah Al-Zarkasyi, A'lam al-Sajid bi-Zikr al-Masajid, Muhammad Taufik Uwaideh, Qahirah: 1385 hal. 26.

**seorang hamba yang lemah kepada Tuhananya Yang Maha Agung. Semenjak**

**lalu ia pulih telah wajid ingat ilu arahdi 2**

Manakala dari segi wilayah masjid mempunyai arti 'tempat yang dilakukan sujud padanya'. Menurut permakahan syarak, kata masjid bererti seluruh tempat di bumi ini.<sup>3</sup> Hal ini jelas dari apa yang disampaikan oleh Al-Zujayj,<sup>4</sup> bahawa semua tempat yang dilakukan ibadah sujud padanya dipanggil masjid, berdasarkan kepada hadis Rasulullah (s.a.w) yang berbunyi:

سَلَّمَ لِي أَلْأَرْضُ مَسْدَاً وَطَوْرَا

Ketinya:

"Telah dyadikkan bagiku bumi ini masjid dan bersih".<sup>5</sup>

Dari hadis di atas, jelas bahawa sujud atau ibadah kepada Allah itu tidak terbatas kepada suatu tempat yang khusus, sebaliknya agama Kristian menelapkan tempat ibadahnya di gereja, malah Islam membolehkan umatnya mengerjakan ibadah solat di setiap pinggir bumi, baik di mana saja mereka berada.

<sup>3</sup> Al-Munud fi al-Lughah, cci. 20, Dar al-Masyruq, Beirut, 1988, hal 321

<sup>4</sup> Muhammad Abdullah al-Zaitany, Op. Cii., hal 27

<sup>5</sup> Ibn al-Maazur, Jamaluddin Muhammad bin Mukram, Lisali al-Arab, Juru' 3, Beirut, 1988, hal 24

<sup>6</sup> Abu Daoud Sulaiman bin al-Asy'as al-Syajastani al-Ardi, Sunnah Abu Daoud, Juru' 1, Dar Ihya' al-Sunnah Al-Tibawayyah, 11, hal 32

Menurut Qadhi Iyadh, dziedikan seluruh perisuk bumi ini suri hanya khusus untuk umat Nabi Muhammad sahaja, sedangkan bagi umat yang tidak dulu, mereka tidak boleh mengajakan solat melainkan di tempat yang mereka yakin akan kesucianya.<sup>6</sup>

Seorang itu dikatakan sujud apabila dia menundukkan kepalaanya dan melipatkan badannya ke bumi.<sup>7</sup> Gerakaku ini merupakan semula-mula perbuatan di dalam sembahyang, sebagai tuk pendekatan hamba kepada Tuhannya.<sup>8</sup> Justeru kerana halah tempat sembahyang itu dinamakan masjid yang berasal dari perkataan sujud.

Dalam sujud itu jugalah orang akan merasakan kelemahan dan ketidaksamaan dirinya berhadapan dengan kekuasaan dan keagungan Allah (s.w.t), menghampirkan seluruh jiwa kepada Allah yang menciptakannya. Allah berfirman:

وَمَدُّوا أَنفُسَهُمْ

Ertinya:

"Sujud dan dekalkarlah dirimu kepada Allah".<sup>9</sup>

Rasulullah (s.a.w) juga ada bersabda:

<sup>6</sup> Dr. Syed Mahir Muhammad. Masjid Misi Wa Auliya' uha al-Salihin, Juzu' 1, Muhammad Taufik Uwaiddah, Qahirah, 1975, hal. 30.

<sup>7</sup> Abd. Wahab Hamudah, 'Fathul Masjid A'la Al-Thaqali al-Islamiyah', Bukuh Mukiamar Risalah al-Masjid, Dar ukaz li Al-Tibaah Wa an-Nashr, Jeddah: i.i, hal. 371.

<sup>8</sup> Dr. Syed Mahir Muhammad. Op. Cit.

<sup>9</sup> Al-Quran, Surah Al-Alaq, 96:19

## اَفْرَمَا دُوْلَهُ مِنْ رَبِّهِ وَمُوَاحِدٌ

Istinya:

"Sehampir-hampir seorang hamba dengan Tuhanya telah ketika ia berada di dalam wujud".<sup>10</sup>

Dari pertimbangan mengenai takrif masjid tadi, dapatlah disimpulkan bahawa masjid dalam Islam mempunyai pengertian yang amat luas ianya tidak hanya terbatas kepada satu bangunan yang khusus, bahkan ia merangkumi seluruh bumi ini. Namun begitu, di dalam pertimbangan selesaunya penulis hanya akan menumpukan kepada aspek pengertiannya sebagaimana yang dilahami oleh masyarakat. Iaitu sebuah bangunan khusus yang dijadikan sebagai tempat beribadah.

### II Sejarah awal pembinaan masjid.

Membicarakan tentang sejarah awal pembinaan masjid, penulis hanya akan memberikan tumpuan kepada tiga buah masjid sahaja. Iaitu Masjid al-Haram di Mekah, Masjid an-Nabawi di Madinah dan Masjid Al-Aqsa di Iltutul Muqaddis. Ini adalah memandangkan kepada kepentingannya dalam Islam berpandukan kepada hadis Rasulullah (s.a.w) yang berbunyi:

10 Al-Imam Abi al-Hassein Muslim bin al-Hajjaj, Sahih Muslim.  
Dar al-Ihya' al-Kutub al-Arabiah, Damaskus, 1974, hal. 184.

دُنْدَلِ الْمَهَارَةِ وَالْمَهَارَةِ مَاهِدَ الْمَهَادِ لِهَرَامِ  
وَالْمَهَادِ الْأَسْرِيِّ وَسَعْدِي

ERTINYA:

"Tidak dianjurkan untuk mengadakan perjalanan kecuali kepada tiga masjid. Masjid al-Haram, Masjid al-Aqsa dan masjidku (Masjid an-Nabawi)." <sup>11</sup>

### 1. Masjid Al-Haram.

Masjid Al-Haram merupakan masjid paling suci dan bersejarah di dalam Islam. Kedudukannya di tengah-tengah tanah haram di kota Mekah, di atas sebidang tanah yang telah disediakan oleh Allah (s.w.t), sejak menciptakan tujuh petala langit dan bumi.<sup>12</sup> Ia merupakan masjid pertama yang dibina untuk umat manusia. Hal ini dijelaskan oleh Allah (s.w.t) dengan firman-Nya:<sup>13</sup>

إِنَّ أَوَّلَ مَسْجِدٍ وَّمَعَ الْمَاءِ مِنَ الْمَدِينَةِ بِكَعَدَةِ مَبَارِكَةٍ

وَمَدِينَةِ الْمَعْتَمِرِ

<sup>11</sup> Abi Abdullah Muhammad bin Ismail Al-Bukhari, Sahih Bukhari, Juzu' 1, Dar Ihya' Al-Kutub Al-Arabiyyah, Damsyik, t.t. hal. 207.

<sup>12</sup> K.H.M. Ali Usman, Pelanggaran Kesucian Masjidil Haram, ed. 1, Bulan Bintang, Jakarta, 1979, hal. 140.

<sup>13</sup> Al-Quran, Surah Al-Imran, 3:95.

**ERTINYA:**

**"Sesungguhnya rumah yang mula-mula dibina untuk (tempat ibadat) manusia, ialah Rabbullah di Mekah yang diberkati dan menjadi petunjuk bagi sekelian manusia."**

**Kepentingan dan keistimewaaninya tidak dapat dinilai lagi, kerana di tengah-tengah masjid inilah terletaknya Kaabah yang menjadi kiblat bagi seluruh umat Islam di seluruh dunia. Di samping itu, ia juga menjadi tempat tumpuan umat Islam untuk menunaikan ibadat haji.**

Nabi Adam adalah merupakan manusia yang pertama sekali melakukan pembinaan ke atas Kaabah, diteruskan oleh Nabi Syuh dan kemudiannya disempurnakan sehingga ia muncul sebagai rumah suci Allah dan pusat peribadatan dalam Islam, sebagai lambang persaudaraan manusia oleh Nabi Ibrahim dan anaknya Nabi Ismail.<sup>14</sup> Allah berfirman di dalam kitab suciNya:

وَادْبُرْ قَعْدَ اِبْرَاهِيمَ الرَّوَادِدَ مِنَ الْمَهَدِ  
وَاسْمَاعِيلَ وَمَا بَيْلَ مِنَ الْكَلْمَانِ  
الْمُسْبِعُ الْمُلْتَمِسُ

<sup>14</sup> Abochakar II, Sejarah Masjid, Toko Buku Fa' Adil & Co., Jakarta 1955, hal. 27.

Ertinya:

"Dan Ingatlah ketika Ibrahim menunggikan (membinas) dasar-dasar Baitullah bersama Ismail (serayu berdoa). Ya Tuhan kami terimalah daripada kami (amalan kami). Sesungguhnya engkaulah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".<sup>15</sup>

## 2. Masjid An-Nabawi

Terletak di tengah-tengah kota Madinah, kedudukan dan taraf Masjid An-Nabawi ini adalah yang kedua selepas Masjid Al-Haram di Mekah. Sejarah pembinaan masjid ini sangatlah menarik. Tanda-tanda ketelitiawannya jelas terlihat pada peringkat sebelum ia dibina lagi, di mana tempat yang dipilih sebagai tapak masjid itu sendiri adalah melalui wahyu dari Allah (s.wt), yang disalurkan melalui gerak-geri unta kendaraan Rasulullah (s.a.w).<sup>16</sup> ketika pertama kali tiba di Madinah, lalu selepas membina masjid di Quba<sup>17</sup> yang menjadi masjid pertama dibina di dalam kurun Islam.

Peristiwa menarik ini berlaku apabila penduduk Madinah, masih lagi berlumba-lumba mengundang Rasulullah (s.a.w) agar singgah di rumah mereka. Lalu, untuk berlaku adil, Rasulullah telah melepaskan unta baginda berjalan untuk menentukan tempat persinggahan baginda. Unta itu akhirnya

15. Al-Quran, Surah Al-Baqarah, 2:127.

16. Hj. Zainal Anifin Abbas, Sejarah Dan Perjuangan Nabi Muhammad, Jilid III, cct. 1, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1970, hal. 245.

17. Hj. Abubakar, Op. Cii, hal. 11.

berhenit di suatu tanah lapang, berhampiran dengan rumah Abu Ayyub Al-Ansari. Tanah lapang yang diberkati Allah itu adalah kepunyaan Sahl dan Suhail bin Amru, dua orang anak yatim dibawah jagaan Muas bin Ultra. Rasulullah telah membayar sepuah dinar untuk tanah tersebut, meskipun ditawarkan untuk diberi percuma atas dasar cinta yang mendalam terhadap baginda.

Tanah itu sebenarnya merupakan suatu lapangan tempat menjemur buah kurma. Di situ terdapat beberapa pohon kurma, runtuhan rumah dan bekas kuburan orang-orang Jahiliyah.<sup>18</sup> Lapangan ini kemudiannya dibersihkan dengan menebang pokok-pokok dan belukar serta membangunkan kubur-kubur tersebut dan tulang-tulangnya dipindahkan dari situ.

Pembinaan masjid ini berlaku pada tahun 1 Hijrah<sup>19</sup> dengan kerjasama antara kaum Muhajirin dan Ansar. Rasulullah juga telah menunjukkan suatu sikap dan contoh yang baik dengan turut sama melibatkan diri, bergotong royong dengan mereka. Kerja-kerja pembinaan masjid ini tidak terlalu menyukarkan kerana ia adalah sebuah binaan yang sederhana, yang hanya merupakan sebuah lapangan empat persegi dengan ukuran 35 meter dari selatan ke utara dan 30 meter dari timur ke barat. Dindingnya diperbuat daripada tanah

<sup>18</sup> Abi Al-Fada' Ismail bin Kathir, Al-Sirah An-Nabawiyyah, Juzu' II, Dar Al-Ma rifah, Beirut, 1976, hal. 303.

<sup>19</sup> Abdul Quddus Al-Ansari, Al-Bayan Madinah Al-Munawwarah, ed. 3, Maktabah Al-Salafiah, Madinah, 1973, hal. 104.

lilal. 20 manakala tiang dan atapnya daripada batang dan daun tanjor yang dicampur dengan tanah liat. Sesbahagian bumbungnya dibatukan iaitu buka

Masjid ini mempunyai tiga buah pintu. Pintu-pintu itu ialah Pintu Jibril, Pintu An-Nisa' dan Pintu Kahmah. Pada malam hari masjid ini hanya dilestarikan oleh cahaya dari pembakaran rumput-rumput kering.<sup>21</sup> Dan kupon hanya pada waktu sembahyang isyak sahaja.

Kesederhanaan masjid An-Nabawi ini digambarkan oleh Al-Utsar Syeikh Al-Khudri Dey dengan katanya:

"Bahawa masjid di zaman Rasulullah adalah dalam keadaan yang sangat sederhana benar, bukan sebagaimana yang biasa dibina orang pada abad-abad kebelakangan ini. sebab himmah (likuran dan membangun) Rasul dengan sekalian sahabatnya terstumpah untuk mengusahakan menghias kebatinan orang banyak umumnya dan memberi waktunya daripada pengaruh-pengaruh syallan dan keadaan yang seperti itu menyebabkan perhatian orang untuk menghias yang lulus itu berkurang."<sup>22</sup>

20 Faiz Ahmed. Five Heroes Of Islam. Khulub Khanah Isyrat Al-Islam, India; 1978. hal. 56

21 Hj. Zainal Anifin Abbas. Op.Cit., Hal. 252

22 Ibid,hal. 245

### 3. Masjid Al-Aqsa

Terletak di bandar Battul Maqdis, Palestina ia merupakan salah satu daripada masjid-masjid suci dan bersejarah yang dibunuhkan mengunggungi dan merazahinya. Masjid ini penting tidak hanya bagi orang Islam, bahkan bagi orang-orang Yahudi dan Nasrani. Ini adalah kerana kedudukannya di tempat yang suci dan bersejarah bagi mereka.

Masjid Al-Aqsa ini merupakan salah satu masjid yang tertua di dunia. Ia terkenal dalam sejarah didirikan oleh Nabi Sulaiman. sebagaimana Masjid Al-Haram terkenal didirikan oleh Nabi Ibrahim dan anaknya Nabi Ismail.

Masjid Al-Aqsa membawa erih masjid terjauh, kerana ia terletak jauh dari Masjid Mekah. Dan ada juga yang berpendapat ia dinamakan demikian kerana ia menyauhkan seseorang dari donanya.<sup>23</sup>

Kemasyhuran masjid ini juga kerana ia pernah menjadi kiblat pertama bagi umat Islam di zaman permulaan Islam. Namun arah kiblat ini kemudian telah ditukar apabila tumbul cemuhuan dan ejekan dari orang Yahudi dan Nasrani yang mendakwa Rasulullah dan pengikutnya membahayang menghala ke kiblat mereka (Battul Maqdis). Keadaan ini membuktikan ketenaran agama mereka, lantas mereka mengajurkan Rasulullah dan pengikutnya masuk agama mereka.<sup>24</sup>

23 Hj. Abochakar, Op.Cit., hal. 43.

24 Hj. Ibrahim Embong, "Kubah dan Sejarah Pembangunannya", Dakwah, bil. 36 Yayasan Dakwah Islamiah, Kuala Lumpur Feb. 88, hal. 13

Rentelan dari peristiwa tersebut, Allah telah menerunkan wahyuNya agar Rasulullah mengubah kiblat bagi umat Islam ke arah Masjid Al Haram, dengan firmanNya:

فَلَمَّا جَاءَهُ رَبِيعُ الْعَدْوَنِ فِي الْعَصْرِ وَالْمَسْكُنِ  
قَالَ اللَّهُمَّ إِنَّمَا قَوْلِي وَمَا تَعْلَمُ مِنْ أَعْلَمُ  
وَمَنْ يَعْلَمُ بِأَكْثَرِهِ فَوْلَوْا وَمَا تَعْلَمُ

Urtinya:

"Kerap kali kami melihat engkau (wahai Muhammad) berulang-ulang menengadah ke langit, maka sungguh kamu akan memalingkan kamu ke kiblat yang kamu suka, maka palingkanlah mukamu ke arah Masjidil Haram dan di mana saja kamu berada palingkanlah mukamu ke arahnya."<sup>25</sup>

Meskipun hari ini, Masjid Al Aqsa sudah tidak lagi berfungsi sebagai kiblat bagi umat Islam, namun tanya tetap mempunyai kemuliaan dan kelebihan di sisi Allah (s.w.t) sebagaimana sabda Rasulullah:

الْمَسْكُنُ فِي الْمَسْدَدِ الْحَامِ بِعِنْدِهِ الْمَسْكُنُ  
وَالْمَسْكُنُ فِي مَسْدِي الْمَسْكُنُ وَالْمَسْكُنُ فِي  
مَسْدِي الْمَسْكُنُ حَمْرَ مَائِدَةِ مَسَكُونٍ

25 Al-Quran, Surah Al-Baqarah, 2:144.

**Ertinya:**

"Satu sembahyang di Masjid Al-Haram (Mekah) bersamaan dengan seratus ribu kali sembahyang dan satu sembahyang di masjidku (Masjid An-Nabawi di Madinah) bersamaan seribu kali sembahyang dan satu sembahyang di Baitul Maqdis (Masjid Al Aqsa) bersamaan dengan lima ratus kali sembahyang".<sup>26</sup>

Di samping itu, di masjidullah juga berlakunya peristiwa tara' Nabi Muhammad pada suatu malam dan sebagai tempat berlepasnya Nabi Muhammad ke langit (Mikraj) untuk menerima satu amanah dari Allah yaitu sembahyang. Allah menjelaskan hal ini dengan firmanNya:

سَمَّاَنَ الَّذِينَ أُسْرَىٰ بِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَدِّ  
الْحَرَامِ إِلَى الْمَدِّ اَدْفَسَ الدُّنْدُنَ بَارِكَاهُ  
سُرُورٌ لَّمْ يَرَهُ مِنْ اَبْشَارِنَا هُوَ السَّمِيعُ  
الْمُصْمِعُ

**Ertinya:**

"Maha suci Allah yang telah mengalihkan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjidil Haram (di Mekah) ke Masjidil Aqsa (di Palestina) yang kami bekali sekelilingnya untuk kamu perlihatkan kepadanya sebagian dari tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran)

Surah Al-Isra' ayat 17, terjemahan Al-Qur'an al-Karim, Penerjemah Dr. Yusuf Mansur, Pustaka Al-Kautsar, Bandung, 1990.

**26** Al-Imam Muhammad bin Ismail Al-Amir Al-Yamani Al-San'ani, Subul al-Salam, Juzu' 1-2, Maktabah Athif, Al-Adhar, lt. hal. 260.

kami. Sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat".<sup>27</sup>

Disebabkan oleh adanya perlakuan dengan perintah penitip dan berwajrah itu juga, maka masjid itu terkenal di kalangan umat Islam.

### C. Masjid Taqwa dan Masjid Dhur'an

#### 1. Masjid Taqwa

Masjid Taqwa ialah masjid yang dibina di atas dasar taqwa, yakni tidak ada tujuan lain di dalam pembinaan masjid tersebut melainkan untuk berraqwa kepada Allah Taala. Sehubungan dengan ini, Allah (s.w.t) berfirman di dalam Kitab SuciNya:

لَنْ يُؤْمِنَ أَيُّهَا الْمَسْدَارُ مُلْكُ الْمُعْوَنِ مِنْ

أَوْلَى بَوْمَاءِ إِنْ يُؤْمِنَ فِي رَهَالِ بَحْرَنَ

إِنْ يُؤْمِنَ وَاللَّهُ يَعْلَمُ الْمُعْلَمَاتِ (١٠٦)

أَفَمِنْ أَنْ يُؤْمِنَ مَنْ يَعْلَمُ مَا تَلَدُّ وَرَسَوانَ

مَنِ اسْتَسْمَدَ عَلَى شَفَاعَةِ هَارِفَةٍ فَأَسْهَارَ

وَمَنْ يَأْتِيَ حِجَّةً وَاللَّهُ لَهُ دِيَ الْعُوْمَ اسْتَأْسِفُ

Ertinya:

"Janganlah engkau mendekati sembahyang di mesjid itu selain lamanya kerana sesungguhnya masjid (Quba' yang engkau bina adalah

Muhammad) yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari mulanya (wujudnya) sudah berputusnya engkau sembahyang padanya. (3) dalam masjid ini ada orang lelaki yang buka membentahkan dirinya dan Allah mengasih orang-orang yang memberi bantuan diri mereka (lahir dan batin). Maka apakah orang-orang yang membangunkan masjid yang didirikan di atas dasar taqwa kepada Allah dan luntuk mencari keredhaan Allah itu lebih baik ataukah orang yang membangunkan masjid yang didirikan di lepi jurang yang (hampir) runtuh. Iulu runtuhlah ia bersama dengan orang yang membangunkannya ke dalam api neraka? Dan (ingatlah) Allah tidak akan memberi hidayah kepada orang-orang yang salin”<sup>28</sup>

Dalam ayat di atas Allah (s.w.t) telah menegah Rasullullah (s.a.w) dari mendirikan sembahyang kecuali di dalam masjid yang dibina di atas dasar taqwa kepada Allah (s.w.t). Larangan ini adalah merupakan larangan untuk selama-lamanya.

Banyak pengertian taqwa menurut pandangan ahli Tafsir, namun begitu semuanya mempunyai maksud dan tujuan yang sama. Antara nya Al-Fakhr Al-Razi mengatakan bahawa Al-Hassan pernah berkata, “Taqwa” ialah kamu tidak memiliki ke atas Tuhan itu melainkan Allah dan kamu mengetahui bahawa segala urusan adalah di dalam kekuasaan Allah belaka.<sup>29</sup> Imam bermakna taqwa menurut Al-Hassan ialah pengantungan yang tulus iktikas kepada Allah dan pengetahuan yang yakin terhadap kekuasaanNya.

28. Al-Quran, Surah At-Taubah, 9:108-109.

29. Imam Al-Fakhr Al-Razi, Tafsir Al-Kabir, Juz 2; Al-Mabadih Al-Bahimah Al-Misnayyah di Midan Al-Ashar, Mesir, t.t. bat. 20.

Menurut Al-Qurtubi, ulama klasik berpendapat mengenai masjid yang dibina di atas dasar taqwa. Ada golongan yang menyatakan masjid itu telah masjid Quba.<sup>30</sup> Di dalam riwayat Ahmad, Muslim dan An-Nasa'i bahawa Nabi apabila ditanya mengenai hal ini, baginda menjawab, ia adalah masjidnya di Madinah. Namun demikian, tidak salah jika ayat itu dimaknai untuk kepada kedua-dua masjid tersebut, kerana kedua-duanya (Masjid Quba' dan Masjid An-Nabawi) adalah disusun oleh Rasulullah di atas dasar taqwa.

## 2. Masjid Dhur

Menibarkan tentang Masjid Dhur, terdapat firman Allah (s.w.t) yang diturunkan kepada Nabi Muhammad ketika beguna dalam perjalanan dari Tabuk menuju ke Madinah yang berbunyi:

اللَّهُمَّ إِنَّمَا مَسَدَّدُوا إِلَيْكُمْ وَلَكُمْ وَلَا يُؤْمِنُونَ

وَاللَّهُمَّ إِنَّمَا تَرَكُوكُمْ مَا لَمْ تُعْلَمُوا

وَلَا تَحْمِلُوهُمْ مَا لَمْ يَكُنُوا بِهِ أَذْنًا

أَنْ أَنْتَ أَعْلَمُ بِالْأَفْوَاتِ

Beruntunglah

"Dan (di antara orang-orang munafik juga tetapi) orang-orang yang membina masjid dengan tujuan membahayakan keselamatan orang Islam dan

<sup>30</sup> Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad Al-Ansari Al-Qurtubi, Tafsir Al-Qurtubi, Jilid 8, Dar Al-Kutub Al-Arab, Qahirah, 1963, hal. 209.

meninggalkan keinginan (mereka sendiri), serta mereka akhirnya perpaduan orang-orang beriman dan juga untuk kenyamanan (tempat) miliknya bagi orang yang telah memerangi Allah dan RasulNya sebelumku. Dan (apabila) tujuan mereka yang buruk itu terlaksana, mereka akan bersumpah dengan bertakat. Tuaklah yang kami kehendaki (dengan mendirikan masjid ini) untuk melainkan untuk kebaikan semata-mata". Pedahal Allah menyatakan bahwa sifatunggunya mereka adalah berdusta".<sup>31</sup>

Ayat di atas menunjukkan bagaimana usaha-usaha yang dilakukan oleh golongan munafikin untuk memperbaiki umat Islam. Apabila mereka melihat umat Islam bersatu padu dan bersimbahyang di bawah salu bugubung lalu masjid Quba', mereka tidak senang dengan keadaan itu. Lalu mereka membuat masjid dengan mendirikan sebuah masjid lain dengan tujuan menabur fitnah dan memperbaiki perpaduan antara umat Islam serta menciptakan lagi kekufuran mereka, di samping itu mereka juga berujuan untuk menjadikan masjid itu sebagai tempat untuk mengintip segala kegiatan umat Islam dan mencari peluang untuk memerangi mereka. Setelah pembinaan masjid ini selesai, mereka mengundang Rasulullah untuk bersimbahyang di sana<sup>32</sup> dengan harapan akan menyintaskan lagi perpecahan yang berlaku. Mereka juga bersumpah di hadapan Rasulullah menyatakan bahwa tujuan mereka membangun masjid itu salah untuk berbuat kebaikan kepada manusia. Rasulullah yang tidak mengetahui tentang tujuan buruk mereka itu hampir sahaja

31 Al-Quran, Surah Al-Taubah, 9:107.

32 Ahmad Mu'milla Al-Mughani, Talsir Al-Mughani, Juz' 10, Syarhul Maktabah wa Maibah Mustalla Al-Rabi Al-Halabi wa Autaduhu, Mesir, 1373H, hal. 26.

menerima jemputan tersebut.<sup>33</sup> lalu Allah murnurunkan ayat til mengingatkan kepada baginda mengenai hal tersebut.

Dari ayat tadi, jelaslah bahawa azas pembinaan masjid Dhirar itu mempunyai empat tujuan.<sup>34</sup>

1. Untuk membahayakan ketenteraman orang-orang mukmin khasnya yang bersembahyang jemaah di masjid Quba yang dibina oleh Rasulullah (s.a.w)
2. Untuk mengukuhkan kekulusan mereka dengan cara mempermudahkan dan menyuaskan kewajipan agama, supaya meninggalkan sembahyang secara bersembunyi agar tidak diketahui oleh orang-orang mukmin, kerana orang-orang mukmin itu tidak lagi berkumpul dan berjumpa dalam sebuah masjid sahaja. Disamping itu mereka dapat pula bermasyuarat di dalam masjid mereka secara munafik untuk membuat ttipudaya terhadap Rasulullah dan berlagak lagi niakuad jalal yang mereka rancangkan.
3. Memecahbelahkan orang-orang mukmin yang datulunya sembahyang dalam sebuah masjid sahaja iaitu masjid Quba, dengan bersatupadu dan sebulat suara di dalam menjalankan urusan mereka. Tetapi dengan terdirinya masjid Dhirar, orang-orang mukmin itu akan

<sup>33</sup> Syed Idrus bin Syed Mat Zin, Masjid dan Perananinya, cetakan pertama, Yayasan Dakwah Islamiyah, Kuala Lumpur 1984, hal. 19.

<sup>34</sup> Ahmad Mustafaa Al Mughani, Op. Cit hal. 25

berpecah menjadi dua golongan yang berteriangan. Iaitu sikap yang menyalahi ajaran Islam.

4. Mereka membina masjid itu untuk menunggu kedatangan orang-orang yang sujak dari dahulu lagi telah berlindak untuk memerangi agama Allah dan menentang pengajaran RasulNya iaitu Abu Amir Al-Rahib<sup>35</sup> yang telah merancang untuk menjadikan masjid itu sebagai kubu pertahanan mereka untuk melancarkan perperangan terhadap orang-orang Islam.

#### 1) Kegiatan Masjid Di Zaman Rasulullah (s.a.w)

Di zaman Rasulullah (s.a.w) berbagai-bagai kegiatan yang djalankan di masjid. Masjid tidak sahaja berfungsi sebagai pusat ibadah, bahkan seluruh kegiatan yang bersangkutan dengan persoalan hidup dari yang sekecil-kecilnya hingga kepada yang sebesar-besarnya, masjidlah yang menjadi markas bagi umat Islam. Di dalam perbincangan ini, penulis hanya akan menyentuh secara ringkas sahaja mengenai kegiatan-kegiatan yang dijalankan di masjid di zaman Rasulullah, khususnya masjid An-Nabawi.

##### 1. Kegiatan Ibadat.

Melihat kepada ciri masjid itu sendiri, seperlimata yang telah penulis bincangkan sebelum ini, iauya sudah membayangkan peranannya iaitu sebagai

<sup>35</sup> Beliau ialah seorang alim, ahli kitab dari kabilah Khazraj, mengikut agama Nasrani, menjadi ketua kepada kumpulan munafikin yang membina masjid Dhirar di zaman Rasulullah.

tempat sujud. Rasulullah sendiri, setelah selesai pembinaan masjid Quba', lalu mengerjakan sembahyang bersama-sama dengan golongan Muhajirin dan Ansur, dengan baginda sendiri menjadi imam.<sup>36</sup>

Seterusnya, di masjid di lakukan ibadat sembahyang lima waktu sehari semalam, sembahyang Jumat, sembahyang terawih di malam-malam bulan Ramadhan, sembahyang jenazah dan ibadat-ibadat lain. Masjid juga dijadikan tempat khusus untuk berdoa dan juga tempat berzikaf.<sup>37</sup> Rasulullah (s.a.w) sering berzikaf di masjid terutama di bulan Ramadhan.

## 2. Kegiatan Pengajian Dan Pendidikan.

Sebagaimana yang diketahui bahawa masjid An-Nabawi di Madinah merupakan pusat pergerakan Islam. Maka dengan itu ta tidaklah hanya sekadar sebagai tempat ibadat semata-mata, tetapi juga berfungsi sebagai madrasah serta pusat pendidikan dan pengetahuan Islam. Rasulullah (s.a.w) sendiri banyak menerima wahyu dalam kurun Madinah di masjid ini. Seterusnya baginda menerangkan hukum-hukum Islam di dalamnya.

Masjid di zaman Rasulullah menjadi pusat pengajian bagi ilmu utama seperti Al-Quran dan Hadis, juga ilmu-ilmu yang lain. Ilmu-ilmu tersebut khususnya diajar kepada mereka yang bakal menjadi mubaligh dan guru Al-

<sup>36</sup> Dr. Sidi Gavalha, Masyarakat Islam, cetakan pertama, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1976, hal. 140.

<sup>37</sup> Zikaf ialah mendiamkan diri dalam masjid sebentar atau lama dengan niat ibadat.

Quran, yang akan dikirimkan ke segenap penjuru Tanah Arab dan sekitarnya untuk mengajar agama Allah.

Prof. Dr. Ahmed Syalaby dalam bukunya 'Sejarah Pendidikan Islam' menyatakan:

"Sejarah pendidikan amat erat pertaliannya dengan masjid. Kerana itu apabila kita membicarakan sesuatu tempat yang dipandang sebagai tempat asasi untuk menyebarkan ilmu pengetahuan dan kebudayaan Islam, peranan masjid tidak dapat dinasikan. Lingkaran-lingkaran pelajaran telah diadakan dan keadaan ini berjalan terus sepanjang tahun dan masa dengan tidak putus-putus di seluruh negri Islam".<sup>38</sup>

Pada bahagian berambi (anjung) masjid An-Nabawi, iaitu satu bahagian yang dinamakan 'suffa'.<sup>39</sup> diadakan halaqah-halaqah untuk bersikir dan berlasbih kepada Allah, yang terdiri daripada golongan ahli sullah. Mereka menjadikan tempat itu sebagai tempat tinggal mereka.<sup>40</sup>

### 3. Kegiatan Politik Dan Ketenteraan

Masalah perang juga ada hubungannya dengan masjid di mana di zaman Rasulullah dan para sahabatnya, strategi dan taktik perang direncanakan di masjid. Begitu juga dalam mengumpulkan tentera-tentera Islam bagi

<sup>38</sup> Dr. Ahmad Syalaby, *Sejarah Pendidikan Islam*, Prof. H. Mukhtar dan Drs. M. Sanusi Latief (Ed.), cet. pertama, Pustaka Nasional, Singapura 1976 hal. 72.

<sup>39</sup> Suffa ialah satu ruang yang terdapat di sebelah utara masjid An-Nabawi yang dindingnya terbuka.

<sup>40</sup> Dr. Sidi Garalba, *Masjid Pusat Ibadat Dan Kebudayaan*, Cet. 3, Pustaka Antara, Jakarta: 1975, hal. 118.

menyelapkan keperluan mereka, sehingga ada dinamakan masjid Jani' Askar.<sup>41</sup>

Seterusnya, bagi tentara-tentara Islam yang mendapat cedera dalam perperangan, mereka ditempatkan di perkarangan masjid. Misalnya apa yang berlaku ke atas Saad bin Mu'adh ketika beliau mendapat luka parah dalam perang Khandaq, sebuah khemah telah didirikan di perkarangan masjid dan di situ lah Saad meninggal.<sup>42</sup>

Disezaping itu, kegiatan politik juga dijalankan di masjid. Hal ini jelas di mana Rasulullah sendiri merupakan seorang tokoh politik yang ulung. Baginda menjadi imam sembahyang dan sekali-gus sebagai pemimpin kepada umat Islam pada ketika itu.

#### 4. Lain-lain Kegiatan.

Selain daripada kegiatan-kegiatan yang telah disebutkan tadi, di masjid juga lah diadakan pertemuan antara umat Islam, di mana segala bentuk urusan dibahaskan, baik yang berkaitan dengan urusan agama, urusan masyarakat bukannya urusan negara dan pemerintahan. Segala hal-hal penting atau peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekitar kehidupan mereka diumumkan melalui saluran masjid.<sup>43</sup> Ini memudahkan kerana masjid merupakan tempat

<sup>41</sup> Drs. Abdul Rocym, Masjid Dalam Karya Arsitektur Nasional Indonesia, Angkasa Bandung, Jakarta, 1983, hal. 19

<sup>42</sup> Dr. Sidi Gasalha, Masjid Pusat Ibadat Dan Kebudayaan, Op. Cii, hal. 120.

<sup>43</sup> Ibid., hal. 118.

berkumpulnya semua golongan masyarakat dari segenap lapisan. Seterusnya segala masalah yang wujud di kalangan masyarakat umat Islam ketika itu, semuanya diajukan kepada Rasulullah di dalam masjid untuk diberitahukan oleh baginda.

Bagi orang-orang musalir dan mereka yang tidak mempunyai tempat tinggal, keluarga atau harta, masjid merupakan tempat persinggahan mereka di sini, kemudahan-kemudahan seperti makanan, minuman dan pakatan disediakan untuk mereka.

Demikian juga dengan kumpulan zakat dan sedekah, semuanya dikumpulkan di masjid. Dari hasil-hasil kebaikan ini seterusnya dibahagikan kepada sahir muskin dan ahli-ahli suffah. Di masjid juga ditempatkan tetamu dan perwakilan asing.<sup>44</sup>

Di samping itu, di masjid juga dilakukan upacara akad nikah, dan ia juga berlindak sebagai Mahkamah Pengadilan, di mana segala pertikatan hukum dialesalkan di sini.<sup>45</sup>

<sup>44</sup> Ghazi Iszuddin Bisheh, The Mosque Of The Prophet At Madinah Throughout The First Century A.H. With Special Emphasis On The Umayyad Mosque, Dissertasi Phd. (Doktor Falsafah), University Of Michigan, 1979, hal. 125.

<sup>45</sup> Syed Habibul Haq Nadvi, The Dynamic Of Islam, cet. 1, Academica, Durban, 1982. Ascp Hikmat (Ed.), Dinamika Islam, cetakan pertama, Risalah Bandung, Indonesia, 1984, hal. 305.

Demikianlah cerita sedikit secara ringkas, penulis menyentuh mengenai kegiatan-kegiatan masjid yang ada di kota Kabulullah. Dari sini, dapatlah dibuat kesimpulan bahwasanya pertama yang dimainkan oleh masjid pada kriteria itu amal luas dan penting, merangkumi seluruh aspek kehidupan masyarakat.